

28 JUN 1999

Chen-DAP

TINDAKAN KELUAR PARTI TIDAK JEJASKAN KEDUDUKAN DAP PULAU PINANG

SEREMBAN, 28 Jun (Bernama) -- Pengerusi DAP Dr Chen Man Hin hari ini berkata tindakan 108 orang bekas anggota DAP di Pulau Pinang memohon menyertai MCA tidak akan menjejaskan kedudukan DAP di negeri itu.

Malahan, katanya, tindakan mereka sebenarnya baik untuk DAP kerana DAP tidak akan menghadapi masalah yang mungkin ditimbulkan oleh mereka.

Walaupun mereka meninggalkan DAP dan memohon menyertai MCA tetapi secara umumnya kira-kira 500 orang telah menyertai DAP di Pulau Pinang baru-baru ini, katanya kepada pemberita di sini.

Laporan akhbar hari ini menyebut 108 orang bekas anggota DAP termasuk bekas Ketua Pemuda DAP Pulau Pinang Teh Beng Hai dan timbalannya Nicholas Teoh menyerahkan borang permohonan rasmi untuk menjadi anggota MCA kepada presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan sengaja memilih tempoh berkempen yang pendek untuk pilihan raya bagi mengelakkan berlaku kekacauan, Chen berkata, ia merupakan strategi Dr Mahathir.

"Sekarang orang sudah matang...dan tidak akan berlaku kacau bilau," kata Chen.

Katanya tempoh yang pendek itu tidak demokratik dan tidak adil kerana pembangkang tidak mempunyai peluang menyampaikan mesej kepada orang ramai manakala media pula dikuasai parti pemerintah.

Chen juga berkata pakatan parti-parti pembangkang DAP, PAS, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) akan mengadakan sesi pertemuan dan dialog dengan orang ramai di Seremban, yang akan dihadiri pemimpin parti pembangkang Negeri Sembilan.

Katanya ceramah "mega" pula akan diadakan di Taman Tuanku Jaafar di sini pada 16 Julai yang akan dihadiri setiausaha agung DAP Lim Kit Siang, Presiden Keadilan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail dan presiden PRM Dr Syed Husin Ali.

PAS juga, katanya, akan menganjurkan ceramah di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi pada 7 Ogos.

-- BERNAMA

AZ AKD